

Sokong calon BN tanpa kira bangsa dan agama

BN 1 AUG 1988

KOTA BHARU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengajak penyokong-penyokong parti komponen Barisan Nasional (BN) memberi sokongan kepada calon BN, tanpa mengira bangsa dan agama.

"Sifat saling bantu-membantu yang dijalinan dalam BN sejak negara merdeka harus dikekalkan, kerana persahabatan Umno dengan parti-parti lain bukanlah untuk pilihanraya sahaja, tetapi untuk selama-lamanya.

"Ini kerana tidak semua calon BN bertanding di kawasan-kawasan yang didiami oleh kaum sebangsa, sebaliknya memerlukan sokongan penyokong berbilang kaum di situ bagi memenangi pilihanraya," katanya sewaktu berucap di majlis perjumpaan dengan pemimpin BN dan pekerja peringkat Parlimen, di sebuah hotel, di sini.

Perdana Menteri berkata, sebagai contoh di Kelantan, MIC tidak diperuntukkan sebarang kerusi, tetapi penyokong MIC di sini harus memberi sokongan kepada calon Umno, MCA atau Hamim yang bertanding di kawasan mereka.

Begitu juga calon MIC yang bertanding di kawasan lain, memerlukan sokongan orang Melayu dan Cina untuk memenangi pilihanraya.

"Sekiranya kita tidak menyokong calon BN yang tidak sebangsa, sudah tentu calon seagama dan sebangsa dengan kita yang bertanding di kawasan atau negeri lain, tidak akan mendapat sokongan orang bukannya sebangsa dengannya.

"Begitu juga pilihanraya kali ini, calon berbangsa lain bertanding di kawasan yang kita diami dan satu hari nanti mungkin calon kita pula dan kaum lain juga boleh mengambil tindakan sepertimana yang kita lakukan ke atas calon sebangsanya," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, melalui kerjasama

ma parti-parti komponen, kerajaan dapat mengekalkan keamanan.

Tetapi Pas tidak akan dapat berbuat demikian kerana kerajaan yang hendak ditubuhkannya untuk satu bangsa sahaja, sedangkan Malaysia hanya boleh diperintah oleh parti yang berbilang bangsa.

"Kini pun mereka berpakat dengan parti lain, tetapi dalam pakatan itu mereka cuba menipu rakan kongsi, termasuk pengikut-pengikut mereka sendiri dengan tidak membangkitkan soal penubuhan negara Islam," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin BN akan memenangi sekurang-kurangnya dua pertiga daripada keseluruhan kerusi di negeri ini.